

# Nelayan keliru sempadan tak boleh didakwa

BH 6 26/3/05

PUTRAJAYA: Nelayan yang ditahan di perairan antarabangsa atau kawasan bertindih yang ditutut mana-mana negara dianggap tidak menceroboh kerana tidak tahu status kawasan itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata nelayan yang beroperasi di laut terbuka tidak tahu garis sempadan atau perairan, terutama jika membabitkan zon pertindihan.

"Nelayan boleh dianggap kumpulan tidak bersalah. Mereka tidak tahu kawasan pertindihan hak dan kawasan mana yang tidak ada pertindihan."

"Mereka rasa ia perairan Malaysia, jadi mereka ke situ menangkap ikan. Walau apa pun, kita siasat dan teliti," katanya selepas Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Cuba, di sini, semalam.

Syed Hamid berkata demikian ketika mengulas laporan 25 nelayan Hutan Melintang yang menaiki empat bot ditahan Tentera Laut Indonesia kira-kira 45 batu nautika dari Pulau Jarak kerana didakwa menceroboh perairan republik itu, minggu lalu.

Syed Hamid juga berkata, isu itu akan diselesaikan menerusi saluran diplomatik dan laporan lengkap mengenainya perlu diperhalusi.

"Saya akan mengkaji kes itu. Saya diberitahu kumpulan nelayan itu berada di perairan Malaysia apabila Indonesia mendakwa mereka menceroboh kawasan republik itu," katanya.

Dalam mesyuarat itu, Cuba diwakili Menteri Informatik dan Komunikasi, Ignacio Gonzalez Planas yang mengetuai delegasi 13 pegawai kanan dalam lawatan empat hari mulai Selasa lalu.

Plaras turut mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di pejabatnya, semalam.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, hubungan dua hala Malaysia dan Cuba akan dipertingkatkan, termasuk menerokai bidang baru yang memanfaatkan kedua-dua negara.

Planas pula berkata, Cuba menghormati Malaysia sebagai negara rakan politik dan mahu kerjasama dua negara diterjemahkan menerusi hubungan ekonomi dan dua hala.

## PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar ..... **BERITA HARIAN**  
Tarikh ..... **26 MAC 2005**  
Muka Surat ..... **6**  
Perkara .....  
.....